



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
Department of Social Welfare
Aras 6, 9-18, No. 55 Persiaran Perdana,
Presint 4,
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8323 1656/1658
Faks(Fax): 603-8323 2045
Laman Web: www.jkm.gov.my
(Website)

Ruj Kami: JKM/100/03/1/Jld.6(6)

Tarikh: / / Jun 2021

**Semua Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri
Pengarah Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah
Pengarah Kebajikan Masyarakat W.P. Kuala Lumpur dan Labuan**

**PEKELILING
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT
BILANGAN 5 TAHUN 2021**

**GARIS PANDUAN
PAPAN TANDA DI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI
DAN PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH**

TUJUAN

1. Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pengarah Bahagian, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri dan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah berkaitan garis panduan penyediaan papan tanda JKM Negeri dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD).

LATAR BELAKANG

2. Papan tanda bangunan/ premis merupakan satu bentuk media komunikasi rasmi yang penting dalam membantu perhubungan dengan masyarakat dan agensi luar. Fungsi papan tanda pejabat yang terpapar pada bangunan/ premis JKM adalah untuk mempamerkan nama Jabatan dan menampilkan beberapa maklumat tambahan yang berkaitan dengan agensi seperti logo kementerian, alamat perhubungan dan nombor telefon yang boleh dihubungi oleh orang ramai.
3. Menyedari akan kepentingan penyelarasan dan kawalan standard ke atas papan tanda yang dikeluarkan oleh Jabatan, maka garis panduan ini disediakan agar menjadi rujukan dan panduan kepada penyediaan papan tanda di bangunan/ premis Jabatan yang dipamerkan di semua JKM Negeri dan PKMD supaya lebih teratur, seragam dan berkualiti.

PELAKSANAAN

4. Garis panduan penyediaan papan tanda bangunan/ premis ini adalah terpakai bagi mengeluarkan mana-mana papan tanda sedia ada di JKM Negeri dan PKMD.
5. Bangunan/ premis yang berada di kawasan komersial adalah tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan.

PEMAKAIAN

6. Pekeliling ini terpakai kepada semua bangunan/ premis JKM Negeri termasuklah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah serta semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/ Bahagian (PKMD/J/B).


TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling ini berkuatkuasa **berkuat kuasa mulai dari tarikh dikeluarkan.**

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(FATIMAH ZURAIDAH BINTI SALLEH)
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
b.p. Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PEKELILING
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT
BILANGAN 5 TAHUN 2021**

**GARIS PANDUAN
PAPAN TANDA DI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI
DAN PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH**

GARIS PANDUAN
PAPAN TANDA DI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI
DAN PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini dirangka bagi memberi panduan kepada pegawai dan kakitangan Jabatan yang terlibat dengan penyediaan dan penempahan papan tanda bangunan/ premis agar format dan standard papan tanda di pejabat adalah sama dengan garis panduan yang telah disediakan bagi mengelak papan tanda yang tidak seragam di peringkat JKM Negeri dan Daerah.

2. SKOP

- 2.1 Garis panduan ini terpakai kepada semua bangunan/ premis di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri/ Wilayah Persekutuan/ Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan dan Bahagian (PKMD/J/B).

3. TAFSIRAN

- 3.1 Melainkan sesuatu itu terjelas maksudnya dalam Pekeliling ini, tafsiran di bawah ini hendaklah diikuti:

“**Papan Tanda Pejabat**”¹ adalah papan yang membawa maksud tanda atau notis. Kebiasaannya papan tanda digunakan untuk pengiklanan dan menyampaikan maklumat kepada orang ramai sebagai bentuk tanda

¹ Tatacara Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di dalam Rezab Jalan Persekutuan / Lebuhraya. Kementerian Kerja Raya (KKR), Tahun 2011

amaran atau bertujuan pendidikan dan maklumat umum sebagai petunjuk dengan dipamerkan dalam pelbagai bentuk, warna dan simbol.

“Papan Tanda Pejabat JKM” sebagai satu maklumat bertulis yang dipamerkan di setiap bangunan atau premis JKM Negeri dan PKMD yang menjadi bentuk media komunikasi dan memudahkan perhubungan dengan masyarakat, agensi luar dan sebagainya.

4. PUNCA KUASA

- 4.1 Arahan Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2016 bertarikh 15 Ogos 2016.
- 4.2 Keputusan Jemaah Menteri bertarikh 25 November 2016 yang telah memutuskan supaya semua Kementerian dan agensi kerajaan menggunakan logo Jata Negara sebagai logo rasmi Kementerian dan agensi kerajaan kecuali Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

5. PROSEDUR TERPERINCI

Semua peringkat pentadbiran hendaklah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan dalam pelaksanaan penyediaan sesebuah papan tanda seperti berikut:

5.1 Menerima Arahan

Menerima arahan daripada Ketua Jabatan/ Pegawai Yang Bertanggungjawab untuk menyediakan papan tanda pejabat bagi tujuan projek pembinaan pejabat baharu atau penggantian papan tanda yang

sudah rosak, lusuh atau maklumat di papan tanda tidak lagi dapat digunakan.

5.2 **Kenal Pasti Papan Tanda Pejabat**

5.2.1 Apabila arahan telah diterima, Pegawai Yang Bertanggungjawab mestilah mengenal pasti jenis papan tanda yang perlu dikeluarkan adalah papan tanda bangunan/ premis JKM Negeri atau PKMD yang berkaitan.

5.2.2 Sekiranya bangunan/ premis JKM Negeri dan PKMD berada di kawasan komersial, Pegawai Yang Bertanggungjawab perlu membuat semakan dan merujuk kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan sebelum tindakan lanjut dilaksanakan. Arahan dan kelulusan juga berkemungkinan perlu dibuat kepada pihak yang bertanggungjawab di peringkat negeri atau daerah masing-masing.

5.3 **Mengumpul Maklumat**

5.3.1 Setelah jenis papan tanda bangunan/ premis dikenal pasti, Pegawai Yang Bertanggungjawab/ Pembantu Tadbir akan menyemak dan menyediakan maklumat yang perlu dipamerkan di dalam papan tanda seperti berikut:

- a. Jata Negara dan nama Kementerian.
- b. Nama penuh Jabatan Kebajikan Masyarakat (Negeri) atau Pejabat Kebajikan Masyarakat (Daerah).
- c. Alamat penuh pejabat.
- d. Nombor telefon dan faksimili pejabat.
- e. Alamat (*website*) sekiranya ada dan e-mel rasmi pejabat.

5.4 Setelah maklumat lengkap, Pegawai Yang Bertanggungjawab/ Pembantu Tadbir akan menyediakan draf papan tanda bangunan/ premis yang berkaitan mengikut keperluan dan cadangan format seperti berikut:

5.4.1 Warna Latar Papan Tanda

Warna: Jingga².

5.4.2 Jata Negara (beserta nama Kementerian)

Tulisan: Arial (*Bold*), huruf besar dan letak ditengah-tengah (*Center*).

Warna tulisan: Hitam.

Saiz: tertakluk kepada kesesuaian saiz papan tanda bangunan/ premis.

5.4.3 Nama Jabatan

Tulisan: Arial (*Bold*), huruf besar dan letak ditengah-tengah (*Center*).

Warna tulisan: Hitam.

Saiz: tertakluk kepada kesesuaian saiz papan tanda bangunan/ premis.

5.4.4 Alamat Perhubungan Pejabat

Alamat pejabat, No. Telefon, No. Faksimili dan Emel serta alamat website (sekiranya ada).

Tulisan: Arial (*Bold*) dan huruf besar (*capitalize*) bagi setiap huruf mula perkataan.

Warna tulisan: Hitam.

² Warna jingga atau kuning bata merupakan spektrum cahaya yang terlihat antara merah dan kuning. Panjang gelombangnya disekitar 585–620 nanometer. Kod warna jingga #FF7F00.

Warna Dalam Budaya Melayu oleh Asmah Haji Omar (2005), Dewan Bahasa dan Pustaka (ISBN 983-62-8164-9)

5.6 Setelah draf papan tanda bangunan/ premis disediakan, draf tersebut dikemukakan kepada PKMN di negeri masing-masing untuk semakan dan kelulusan.

5.7 Mendapatkan kelulusan Papan Tanda

5.7.1 Pegawai Yang Bertanggungjawab yang menerima draf papan tanda bangunan/ premis akan menyediakan memo untuk kelulusan PKMN dan diangkat bersama-sama draf berkenaan.

5.7.2 Papan tanda bangunan/ premis yang telah diluluskan oleh PKMN akan diterima oleh Pegawai Yang Bertanggungjawab dan sedia untuk tindakan percetakan selanjutnya.

5.8 Kawalan Fail

5.8.1 Pembantu Tadbir akan memastikan draf papan tanda bangunan/ premis yang diluluskan oleh PKMN disimpan di dalam fail aktiviti yang berkaitan untuk rekod dan rujukan.

6. PEMAKAIAN

6.1 Garis Panduan ini hendaklah juga merujuk kepada Punca Kuasa dan Arahan pelaksanaan dan penetapan standard Papan Tanda Agensi Kerajaan yang diputuskan didalam Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2016 bertarikh 15 Ogos 2016 dan Keputusan Jemaah Menteri bertarikh 25 November 2016 yang telah memutuskan supaya semua kementerian dan agensi Kerajaan

menggunakan logo Jata Negara sebagai logo rasmi Kementerian dan agensi Kerajaan kecuali Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

7. KUAT KUASA

7.1 Garis Panduan ini **berkuat kuasa mulai dari tarikh dikeluarkan.**



FATIMAH ZURAINAH BINTI SALLEH
TKP (O)
b.p.: Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat
TARIKH: / / Jun 2021

LAMPIRAN

Contoh Format Standard Papan Tanda JKMN dan PKMD

JATA NEGARA

Warna dalam Jata Negara adalah sama dengan warna papan keseluruhan (jingga)



NAMA JABATAN

Tulisan: Arial (Bold), huruf besar dan letak ditengah-tengah

NAMA KEMENTERIAN

Tulisan: Arial (Bold), huruf besar dan letak ditengah-tengah

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PERAK

Lot 1516, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,

30000 Ipoh, Perak

Tel: 05-2545505 No.Faks: 05-2546505 E-mel: jkmnperak@jkm.gov.my
www.jkmperak.gov.my

ALAMAT PERHUBUNGAN PEJABAT

Tulisan: Arial (Bold), Capitalize setiap huruf mula dan letak ditengah-tengah



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH KUALA LANGAT

No. 30, 32 34, Jalan Cemerlang 2, Pusat Perdagangan Banting

42700 Banting, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-31871317 No.Faks: 03-31871318 E-mel: jkmklangat@selangor.gov.my
www.selangor.gov.my

Warna Tulisan: Hitam

Warna Latar Belakang: Jingga

Jingga

Warna jingga atau kuning bata merupakan spektrum cahaya yang terlihat antara merah dan kuning. Panjang gelombangnya disekitar 585–620 nanometer. Kod warna jingga #FF7F00

Rujukan:

Warna Dalam Budaya Melayu oleh Asmah Haji Omar (2005), Dewan Bahasa dan Pustaka (ISBN 983-62-8164-9)